

Penentuan Timbalan Presiden MIC hari ini

Oleh S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 23 Jun - Pemilihan MIC esok menyaksikan pertandingan sengit dengan fokus saingan antara penyandang jawatan Timbalan Presiden, Datuk S. Subramaniam dan pencabarnya, Datuk G. Palanivel.

Selepas lebih 20 hari berkempen, kedua-dua pemimpin itu masing-masing yakin menang dalam perebutan kerusi nombor dua parti.

Subramaniam, 62, yang juga bekas Ahli Parlimen Segamat sudah berada di kedudukan nombor dua selama kira-kira suku abad.

Laluannya pada pemilihan kali ini 'agak sukar' apabila Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu menamakan anak didiknya, Palanivel sebagai orang 'pilihan' bagi jawatan nombor dua itu.

Bagaimanapun, Subramaniam yang memegang jawatan itu sejak 1981 tidak patah hati dan terus berjuang untuk mempertahankan jawatannya.

Bekas Timbalan Menteri Per-

dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu 'bertanding atas tiket 'persendirian' tanpa memihak kepada mana-mana calon jawatan lain.

Menurut Subramaniam, beliau yakin perwakilan tahu kesetiaan dan perkhidmatannya hanyalah untuk parti dan masyarakat India.


"Lebih 44 tahun saya berada dalam MIC, saya tidak boleh dipadam begitu sahaja dalam hati setiap perwakilan.

"Saya yakin perwakilan pasti akan menimbang sumbangan saya dalam parti selama ini. Saya menyerahkan nasib saya dalam parti kepada perwakilan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Bagi Palanivel, 57, yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebagai calon 'pilihan' presiden parti, beliau yakin perwakilan akan memberi peluang kepadanya untuk menjawat jawatan nombor dua MIC itu.

Katanya, perwakilan harus meneliti, rekod perkhidmatan

• Lihat muka 2



Lebih 44 tahun saya berada dalam MIC, saya tidak boleh dipadam begitu sahaja dalam hati setiap perwakilan

SSUBRAMANIAM



Kerja saya adatah mesej saya. Saya bukan orang baru dalam parts, malah perwakilan juga mengenali saya

G. PALANIVEL.

Penentuan Timbalan Presiden MIC hari ini

seseorang calon itu sebelum mengundi mereka.

"Kerja saya adalah mesej saya. Saya bukan orang baru dalam parti, malah perwakilan juga mengenali saya," katanya.

Kira-kira 1,441 perwakilan akan menghadiri pemilihan MIC kali ini bagi menentukan barisan kepimpinan baru parti.

Pada pemilihan ini, sebanyak 61 calon bertanding bagi merebut 23 kerusi Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), tiga kerusi naib presiden. dan

satu jawatan timbalan presiden.

Pemilihan akan dimulakan sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-60 itu pada pukul 9 pagi.

Pemerhati politik menyifatkan pemilihan MIC kali ini adalah pertembungan di antara pasukan 'presiden' dan calon 'persendirian'.

Pengerusi Pemilihan MIC, Datuk K Vijayanathan berkata, pihaknya berpuas hati dengan persiapan yang dibu-

at menjelang pemilihan parti itu esok.

"Kami sudah bersedia untuk mengadakan pemilihan ini dan berharap para penyokong dan calon akan mematuhi peraturan pemilihan parti," katanya.

Tambahnya, jawatankuasa itu menjangkakan proses pengundian akan selesai menjelang pukul 3 petang, manakala pengiraan undi akan mengambil masa empat jam.

Tambahnya, keputusan dijangka diumumkan kira-kira pukul 7 malam.